



## KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

### **PURATA TARIF ELEKTRIK ASAS TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB) KEKAL BAGI TAHUN 2021 DENGAN REBAT ELEKTRIK 2 SEN SETIAP KILOWATT JAM KEPADA SEMUA PENGGUNA BAGI TEMPOH 1 JANUARI HINGGA 30 JUN 2021**

**PUTRAJAYA, 23 DISEMBER 2020** – Kerajaan telah bersetuju untuk mengekalkan purata tarif asas TNB pada kadar 39.45 sen/kWj bagi tahun 2021 dan memberikan rebat sebanyak 2 sen/kWj kepada semua pemilik akaun TNB bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2021. Rebат yang pertama kali dinikmati sejak Julai 2018 ini akan dinikmati oleh semua pengguna elektrik TNB, domestik dan bukan domestik. Langkah ini diambil berikutan keputusan Kerajaan untuk melanjutkan tempoh Regulatori Kedua TNB di bawah mekanisme *Incentive Based Regulation* (IBR) sehingga 31 Disember 2021. Kerajaan juga bersetuju untuk melepaskan penjimatan kos bahan api kepada semua pengguna TNB berikutan penurunan harga bahan api arang batu dan gas pada separuh tahun kedua 2020 selaras dengan pelaksanaan mekanisme *Imbalance Cost Pass Through* (ICPT) bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2021.

Dengan pemberian rebat sebanyak 2 sen/kWj ini, seramai 7.5 juta pengguna domestik akan mengalami penurunan bil elektrik di antara 3.6% hingga 9.2%. Pengguna komersial pula akan mengalami penurunan bil elektrik di antara 4.0% hingga 5.2% manakala bil elektrik bagi pengguna industri pula akan menurun di antara 4.6% hingga 6.1%.

Kerajaan berharap agar pemberian rebat ini dapat membantu meringankan kos sara hidup rakyat serta menurunkan kos menjalankan perniagaan yang terkesan berikutan penularan pandemik COVID-19.

**- TAMAT -**

Dikeluarkan Oleh:  
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
23 Disember 2020